

Surat khabar: Berita Harian (Sarawak)

Hari/Tarikh: 5/12/2013

Muka surat: 12

Tajuk : UNIMAS Harumkan Nama Negara.

12 ◊ SARAWAK

UNIMAS harumkan nama negara

Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjaya mengharumkan nama Malaysia apabila merangkul dua pingat emas, satu perak dan empat gangsa pada Pameran Rekacipta Antarabangsa Seoul (SIIF) 2013, yang berlangsung mulai 29 November hingga 2 Disember lalu.

Kejayaan merangkul dua pingat emas itu hasil kajian pensyarah Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Prof Madya Dr Puah Chin Hong bersama pasukan penyelidikannya melalui projek bertajuk *Measuring Business Cycle Fluctuations: An Alternative Precursor to the Economic Crises*.

Turut meraih kejayaan pada pameran yang diadakan di Pusat Konvensyen dan Pameran Seoul (COEX) itu adalah pensyarah Pusat Pengajian Bahasa, Chuah Kee Man menerusi projek bertajuk *Leximinds 2.0: Adaptive Mobile Vocabulary Learning App*.

Kejayaan bermakna

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) UNIMAS, Prof Dr Mustafa Abdul Rahman, berkata kejayaan itu sangat bermakna berikutan pihaknya menghantar lapan ciptaan dan tujuh daripadanya mendapat perhatian juri.

"Pameran anjuran Persatuan Promosi Rekacipta Korea (KIPA) ini adalah antara yang terbesar di dunia kerana berjaya menarik penyertaan 31 negara yang menghantar lebih 700 ciptaan dan inovasi baru dalam pelbagai bidang kajian."